

SULIT

**UJIAN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH
RAMALAN 2017**

**BAHASA MELAYU - PEMAHAMAN
2017
 $1\frac{1}{4}$ jam**

011

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
 2. *Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.*
 3. *Tiap-tiap soalan dalam Bahagian A diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawaban objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
 4. *Ceraikan Bahagian B daripada kertas soalan ini.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

011

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

BAHAGIAN A
(20 markah)

Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.


- 1 “Sabtu lalu _____ pergi ke rumah penghulu di Kampung Selinsing,” kata pasangan suami isteri itu kepada mertua mereka.
A saya
B kita
C kami
D kalian

- 2 “_____ mohon ampun, tuanku,” sembah pedagang itu kepada Sultan Muzaffar Syah.
A Hamba
B Beta
C Patik
D Saya

- 3 Setiap anggota keluarga harus saling _____ untuk mewujudkan suasana yang harmoni dalam keluarga.
A menemani
B menyaingi
C melengkapi
D menghormati


- 4 Setelah berlatih dengan tekun, Cik Sayang berasa _____ bahawa dia akan berjaya mendapat tempat pertama dalam pertandingan pidato itu.
A yakin
B selesa
C bangga
D teruja

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 5 Pak Samad sedang memasang _____ kawat mata punai di sekeliling reban ayamnya.
- A sebuah
 - B segulung
 - C selembar
 - D segelung
- 6 Sambutan masyarakat di Kampung Sungai Kelah itu terhadap kegiatan gotong-royong yang diadakan sangat _____.
- A tawar
 - B hambar
 - C sejuk
 - D lesu
- 7 Kumpulan pelancong dari Jepun itu sedang mendengar taklimat _____ wakil syarikat pelancongan yang mengurus percutian mereka.
- A dari
 - B pada
 - C daripada
 - D kepada
- 8 Ikan yang sangat masin itu tidak _____ oleh Rahimah.
- A tertelan
 - B terusik
 - C terteguk
 - D tersedut


Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 9 Puan Baiti sedang memakirkan keretanya di _____ sebuah kedai buku.
- A tepi
B bucu
C hadapan
D belakang
- 10 Razak menggunakan wang tabungnya _____ membeli beberapa naskah majalah remaja yang dijual di kedai buku itu.
- A agar
B lalu
C demi
D untuk
- 11 Semasa melawat di Taman Libur Taiping, Syahmi dan rakan-rakannya dapat mendengar bunyi unggas _____.
- A berlari-larian
B bersahut-sahutan
C beriring-iringan
D bergayut-gayutan

- 12 Kakak Rosnah membersihkan sarang _____ di syiling ruang tamu rumahnya dengan menggunakan penyapu.
- A pepijat
B lelabah
C rerama
D lelabi

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 13 Siti Rohana memerhatikan jirananya yang sedang _____ daun pisang itu dengan tekun.
- A menjerang
B membakar
C menyalai
D melayur

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

- 14 “Rosnah,tolong kira jumlah bola yang terdapat di dalam kotak itu, kemudian rekodkan di dalam borang ini,” kata Puan Suzana kepada Rosnah.
- A Rosnah diminta oleh Puan Suzana untuk mengira jumlah bola yang terdapat di dalam kotak itu selepas merekodkannya dalam borang.
- B Puan Suzana meminta Rosnah agar menghitung jumlah bola yang terdapat di dalam kotak itu dan merekodkannya ke dalam borang.
- C Rosnah dan Puan Suzana diminta untuk menghitung dan merekodkan jumlah bola yang terdapat di dalam kotak itu ke dalam borang.
- D Puan Suzana meminta Rosnah menghitung jumlah bola yang terdapat di dalam kotak itu dan memaklumkannya kepada beliau.
- 15 Cikgu Rosoman mengarahkan para peserta perkhemahan supaya berbaris dalam kumpulan masing-masing.
- A Para peserta perkhemahan berbaris dalam kumpulan masing-masing setelah diarahkan oleh cikgu Rosoman.
- B Cikgu Rosoman mengagihkan para peserta perkhemahan yang sedang berbaris kepada beberapa kumpulan.
- C Semua peserta perkhemahan diarahkan oleh Cikgu Rosoman agar beratur dalam kumpulan masing-masing.
- D Cikgu Rosoman diarahkan oleh para peserta perkhemahan agar berbaris bersama-sama dengan mereka.

Pilih ayat yang betul.

- 16 I. Setengah orang suka makan durian.
- II. Jamuan itu diadakan untuk meraikan para guru.
- III. Pelbagai buku ada dijual di kedai buku itu.
- IV. Kebanyakan guru-guru suka menyertai acara itu.
- A. I DAN II
- B. I DAN III
- C. II DAN III
- D. II DAN IV

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Fenomena jerebu sering kali berlaku di Malaysia. Biasanya, jerebu berpunca daripada pembakaran secara terbuka dan asap daripada kilang serta kenderaan. Fenomena ini memberikan kesan yang buruk kepada kesihatan manusia. Hal ini demikian kerana jerebu mengandungi beberapa jenis gas yang menjelaskan kesihatan kita seperti karbon monoksida, sulfur dioksida, dan nitrogen dioksida.

Gas-gas tersebut beracun dan tidak berwarna. Apabila kita terdedah kepada gas-gas tersebut, kita akan mengalami sesak nafas dan sakit dada. Selain itu, mata juga terasa pedih dan berair. Malahan, kita akan batuk-batuk dan terasa gatal-gatal pada bahagian kerongkong.

Kualiti udara akibat jerebu dapat dinilai melalui Indeks Pencemaran Udara (IPU). Terdapat beberapa bacaan yang dapat dijadikan panduan untuk mengetahui status kualiti udara. Sekiranya nilai IPU dari 0 hingga 50, status kualiti udara adalah baik. Jika nilai IPU dari 51 hingga 100 pula, kualiti udara berada pada tahap sederhana.

Manakala nilai IPU dari 101 hingga 200 dan 201 hingga 300 masing-masing menunjukkan tahap yang tidak sihat dan sangat tidak sihat. Status kualiti udara tahap bahaya pula dapat dikesan jika nilai IPU adalah antara 310 hingga 500.

Dalam situasi ini, orang ramai hendaklah sentiasa memakai penutup hidung apabila keluar dari rumah. Di samping itu, mereka dinasihatkan supaya sentiasa minum air yang banyak. Hal ini demikian kerana keadaan jerebu yang berterusan akan mendatangkan bahaya kepada masyarakat terutama sekali kepada golongan kanak-kanak, orang tua, pesakit asma, radang paru-paru, jantung, dan bronchitis serta perokok.

Dipetik dan diubah suai daripada infosihat.gov.my

17 Apakah faktor utama terjadinya fenomena jerebu?

- A Pembebasan gas-gas beracun di udara.
- B Asap daripada rokok, kilang, dan kenderaan.
- C Pembakaran secara terbuka dan asap daripada rokok.
- D Pembakaran secara terbuka, asap daripada kilang, dan kenderaan.

18 Pendedahan kepada jerebu akan menyebabkan....

- A sesak nafas, mata berair, dan batuk-batuk.
- B sakit dada, hidung berair, dan batuk-batuk.
- C mata pedih, sakit dada, dan gatal-gatal di bahagian mata.
- D batuk-batuk, sesak nafas, dan gatal-gatal di bahagian hidung.

19 Bagaimanakah kita hendak melindungi diri daripada bahaya jerebu?

- A Sentiasa minum air dengan kerap.
- B Tidak menghidu gas-gas beracun.
- C Memakai penutup hidung apabila keluar dari rumah.
- D Mengelakkan diri daripada golongan yang berisiko tinggi.

20 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

- A Nilai IPU dari 201 hingga 300 menunjukkan kualiti udara yang tidak sihat.
- B Orang ramai yang minum air dengan banyak tidak akan terdedah kepada bahaya jerebu.
- C Gas karbon monoksida, sulfur dioksida, dan nitrogen dioksida ialah gas tidak beracun.
- D Keadaan jerebu yang berterusan akan mendatangkan bahaya kepada pesakit asma.

UJIAN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH
RAMALAN 2017
BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

011

BAHAGIAN B

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI
SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.*
2. *Jawapan kamu hendaklah pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
3. *Serahkan Bahagian B ini bersama-sama borang jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>	
Kod Pemeriksa:	
Nombor Soalan	Markah
21	(a)
	(b)
	(c)
22	(a)
23	(a)
	(b)
	(c)
24	(a)
	(b)
	(c)
	(d)
25	(a)
	(b)
	(c)
	(d)
Jumlah	
30	

Kertas soalan ini mengandungi **8** halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN B

[30 markah]

21.

a. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul

- i. Razak begitu _____ menonton televisyen hingga tidak menyedari ibunya pulang.

tekun ()

asyik ()

lupa ()

- ii. Mariam berusaha untuk menangkap _____ di taman bunga yang cantic dan luas itu.

rerama ()

lelangit ()

dedaun ()

(2 markah)

- b. Padankan dengan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan.

i.Pengawas itu telah _____ nama murid yang datang lewat ke sekolah.		dirasmikan
ii.Pak Samad selalu _____ ranting pokok bunga di halaman rumahnya pada setiap petang.		mencatat
iii.Majlis itu _____ oleh Dato. Rahim Noor yang merupakan Ahli Parlimen di situ.		memangkas
iv. Jurulatih pasukan bola sepak itu telah _____ semangat pemainnya sebelum bertanding.		menyuntik

(2 markah)

- c. Gariskan jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.
- i. Rashid Sidek (memikul, menjulang, mengelek) Piala Thomas pada tahun 1992 dengan rasa bangganya.
- ii. Abam sedang (menebar,mencanai,mengadun) roti canai di warung tepi jalan itu.

(2 markah)

Soalan 22

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

atau	lalu	kerana	setelah
dari	untuk	sambil	kepada

Sudah hampir sebulan hujan tidak turun, cuaca sangat panas. Murai berasa sangat dahaga. Murai terbang _____ suatu tempat ke suatu tempat untuk mencari air.

_____ sekian lama mundar-mandir, akhirnya murai ternampak sebuah tempayan kecil yang berisi air. Murai terbang rendah _____ hinggap di sebelah tempayan itu. Murai cuba mengais tempayan itu supaya dekat dengannya. Tiba-tiba, tempayan itu pecah dan airnya meresap ke dalam pasir. Tampaknya, rezeki yang sudah di depan mata itu bukan _____ murai. Kasihan ... murai.

[4 markah]

Soalan 23

- a. Tulis **ayat tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya:

Jawapan: Kepulangan kami disambut dengan gembira oleh datuk disebabkan sudah lama tidak bersua.

[2 markah]

- b. Garisi **kata adjektif** yang terdapat dalam ayat yang disediakan.

Pokok di belakang rumahnya perlu ditebang kerana condong ke arah rumah.

Pemain yang lincah itu telah mengalami kecederaan di bahagian lutut dan peha.

[2 markah]

- c. Garisi **kata kerja** yang terdapat dalam ayat yang disediakan

Pnglima Hitam telah berjaya menangkap lima orang lanun di Selat Melaka .

Murid yang memakai baju warna biru itu telah dibawa oleh ibunya ke klinik .

[2 markah]

Soalan 24

Baca petikan surat di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

No. 62A, Kampung Selinsing,
Simpang Empat,
43300 Semanggol,
Perak.

10 Mac 2017

Menemui sahabatku, Syahmi yang berada di Puchong, Selangor. Apa kahabar? Semoga saudara sekeluarga sihat sejahtera.

Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk berkongsi pengalaman saya semasa berada di kampung. Kebetulan pada waktu itu musim buah-buahan. Saya pun mengambil peluang tersebut untuk mengikut datuk saya ke *dusun* duriannya.

Terdapat sebuah pondok di dusun durian itu. Saya berpeluang untuk menunggu durian gugur di dusun tersebut. Saya berasa sangat teruja kerana dapat mengutip buah-buahan durian yang gugur. Walaupun terpaksa digigit nyamuk, saya gembira melakukan kerja tersebut.

Selain itu, saya berpeluang untuk mengetahui buah durian yang gugur itu masak atau tidak. Caranya agak mudah, iaitu dengan menggongang buah durian tersebut. Datuk memberitahu saya, jika terdengar bunyi pergerakan pada isinya, maka buah durian itu sudah masak.

Nampaknya, sampai di sini sahaja warkah saya buat kali ini. Sampaikan salam saya kepada keluarga saudara.

Sahabatmu,

Fauzan

a. Perkataan *dusun* dalam petikan boleh juga digantikan dengan perkataan

[1 markah]

b. Mengapakah Fauzan berasa gembira di dusun durian datuknya?

[2 markah]

c. Bagaimanakah cara untuk mengetahui sama ada buah durian itu sudah masak?

[2 markah]

d. Adakah kamu gemar makan buah-buahan tempatan? Mengapa?

[3 markah]

Soalan 25

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pelbagai jenis tepung digunakan dalam penyediaan kuih-muih tradisional Melayu, antaranya tepung beras, tepung pulut, tepung ubi, tepung sagu, tepung jagung, tepung kastard, tepung kacang hijau, tepung kentang dan juga tepung gandum. Tepung beras adalah antara tepung yang paling banyak digunakan dalam menyediakan kuih-muih tradisional Melayu terutama dalam membuat kuih lapis, apam, kuih tepung talam, laksa, juadah kudapan, bancuhan gorengan untuk pisang, keledek, sukun dan sebagainya.

Dalam penyediaan kuih moden pula, tepung beras diadun dengan tepung pilihan yang bersesuaian dengan menu untuk mendapatkan tekstur kuih yang lebih lembut atau kenyal serta memberi warna dan rasa. Sebagai contoh, kita ambil cara-cara bagi penyediaan adunan kuih tepung pelita. Kuih tepung pelita merupakan sejenis kuih tradisional Melayu yang sedap serta enak rasanya. Tepung pelita merupakan sejenis kuih yang manis tetapi tidak tahan lama.

Bahan atas kuih tepung pelita ialah santan dan tepung beras. Adunan ini dimasak dalam bekas yang diperbuat daripada daun pisang. Di tengah-tengahnya pula diisi dengan air gula yang menjadikan rasa kuih ini lemak manis. Kuih tepung pelita boleh disimpan dalam peti sejuk.

Pada asasnya, kuih tepung pelita terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian atas yang dikenali sebagai kepala kuih. Bahagian kepala kuih tepung pelita ini amat lembut kerana bahan utamanya berasaskan santan kelapa dan warnanya putih. Bahagian bawahnya pula diperbuat daripada tepung beras dan biasanya berwarna kehijauan. Bahagian bawah kuih ini agak keras sedikit berbanding dengan bahagian kepala kuih. Daun pandan digunakan sebagai pewarna asli sekali gus menjadikan aroma kuih tepung pelita ini wangi dan segar.

- a. Kebanyakan kuih-muih tradisional Melayu berasaskan

[1 markah]

b. Apakah tiga bahan utama yang digunakan untuk menghasilkan kuih tepung pelita?

[2 markah]

c. Bagaimanakah cara untuk memastikan kuih tepung pelita rasa lemak manis?

[2 markah]

c. Apakah kuih kegemaran kamu dan mengapakah kamu menyukai kuih tersebut.

[3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT